



Ruj. Kami: SUK.D200 (01) 15/1/1 Jld.3(102)

Bertarikh : 03 Rabiulawal 1443H

10 Oktober 2021

Ke majlis,

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri

Semua Ketua Pengurusan Urusetia Kerajaan Negeri

Semua Ketua Bahagian Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

Pengurus Agensi Negeri (Pusat Transformasi Bandar (UTC) Kelantan)

ARAHAN PENTADBIRAN
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN
BILANGAN 11 TAHUN 2021

PENGOPERASIAN PEJABAT KERAJAAN NEGERI KELANTAN MENGIKUT FASA PELAN PEMULIHAN NEGARA (FASA DUA)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. YAB Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa sehingga 28 September 2021, Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) merekodkan kadar 85.1 peratus populasi dewasa lengkap vaksin. Perkembangan ini selari dengan matlamat Kerajaan yang mahu kadar vaksinasi lengkap populasi dewasa mencapai 90 peratus. Sehingga kini, Negeri Kelantan masih berada dalam peralihan Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa Dua yang berkuat kuasa pada 5 Julai 2021.

3. Selaras dengan itu, bagi mengoptimumkan perkhidmatan Kerajaan, maka Pentadbiran Kerajaan Negeri bersetuju supaya **pengoperasian pejabat Kerajaan Negeri Kelantan** akan terus dilaksanakan **secara hibrid** melalui keberadaan di pejabat dan Bekerja Dari Rumah (BDR) dengan menggunakan pendekatan berikut :

- a) Waktu pengoperasian perkhidmatan Kerajaan Negeri di pejabat adalah **mulai 8:00 pagi hingga 3:00 petang (Ahad hingga Rabu)** dan **8:00 pagi hingga 2:00 petang (Khamis)**;
- b) Kehadiran di pejabat **tidak melebihi 50%** bagi keseluruhan (tidak termasuk perkhidmatan *frontliners*, keselamatan, pertahanan dan penguatkuasaan) dan **50% BDR secara penggiliran**;
- c) Penggiliran kakitangan di pejabat bagi tempoh maksimum 4 jam;
- d) Semua mesyuarat dan perbincangan dillaksanakan **secara dalam talian** melalui medium yang selamat dan terjamin kerahsiaan;

- e) Perkhidmatan kaunter adalah dibuka **mulai jam 9:00 pagi hingga 2:00 petang pada setiap hari (Ahad hingga Khamis);**
 - f) Kehadiran ke pejabat perlu **disertai dengan dokumen arahan rasmi dan pas pekerja;** dan
 - g) Mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) berkaitan COVID-19 yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
4. Pelaksanaan BDR adalah berdasarkan kepada Pekeliling Perkhidmatan (Persekutuan) Bilangan 5 Tahun 2020 dan Pekeliling Perkhidmatan (Negeri) Bilangan 3 Tahun 2021 Dasar Bekerja Dari Rumah yang jelas memperincikan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi termasuk tidak boleh melaksanakan urusan peribadi dalam waktu bekerja. Sebarang pelanggaran salah laku dalam pematuhan kepada BDR akan dikenakan tindakan tatatertib di bawah Kn.P.U 18 (A)395 – Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Kelantan (Kelakuan dan Tatatertib) (Pindaan) 2009.
5. Arahani ini dipersetujui berkuat kuasa mulai **11 Oktober 2021 sehingga ke suatu tarikh yang akan diberitahu.**

Sekian, terima kasih.

**“RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT”
“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

Saya yang menjalankan amanah,

DATO' HAJI NORAZMAN BIN ABD GHANI, D.P.S.K (Kelantan)

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

b.p. SETIAUSAHA KERAJAAN

NEGERI KELANTAN

s.k.: - YB Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan